



KENYATAAN MEDIA
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA SEMASA

28 JULAI 2017

STATUS KUALITI UDARA

Pada hari ini, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada **jam 11 pagi 28 Julai 2017** menunjukkan 55 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 5 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Bacaan IPU tertinggi setakat ini dicatatkan di Kota Bharu, Kelantan (IPU: 57). Walau bagaimanapun, tiada kawasan mencatatkan bacaan IPU tidak sihat.** Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my>.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 27 Julai 2017, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* terdapat **11** titik panas dikesan di Sumatera dan **3** titik panas dikesan di Kalimantan, Indonesia. Manakala bagi dalam negara terdapat **4** titik panas dikesan iaitu **2** di Pahang dan **2** di Sabah. **Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada 27 Julai 2017 seperti di Rajah 1 menunjukkan taburan titik panas (hotspot) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.**

KEBAKARAN DI ACHEH DAN KESAN KEPADA MALAYSIA

Kebakaran hutan yang berlaku di beberapa buah daerah di Aceh Barat sejak minggu lalu telah menyebabkan jerebu setempat melanda di beberapa kawasan di Sumatera. Memandangkan negara masih dalam Monsun Barat Daya dan angin bertiup dari Barat Daya, kebakaran hutan di sana berpotensi menyebabkan jerebu merentas sempadan ke Semenanjung Malaysia terutamanya kepada negeri-negeri sebelah utara Semenanjung. Namun, data status kualiti udara semasa negara masih menunjukkan bahawa kebakaran di Aceh Barat tidak memberi kesan kepada negara terutama kepada Semenanjung Malaysia sehingga kini. Walau bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar masih memantau rapi situasi kebakaran di Sumatera serta status kualiti udara semasa negara berpandukan kepada data dari stesen pengawasan kualiti udara automatik di 63 stesen di seluruh negara.

TINDAKAN PENCEGAHAN

Bagi menangani cuaca panas dan kering, Jabatan Alam Sekitar telah **mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka** yang berpotensi menyebabkan jerebu di peringkat tempatan. Selain itu, pihak **Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA

Memandang negara ketika sedang menghadapi cuaca panas dan kering yang telah bermula sejak awal Jun tahun ini, semua pihak adalah diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

**Wisma Sumber Asli
28 Julai 2017**

PETA JEREBU SERANTAU, 27 JULAI 2017
(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)

Regional Haze Situation

